Source: *Berita Harian,* p2
Date: 19 September 2018

– Foto MCI

Presiden Halimah temui Agong di KL

PRESIDEN Halimah Yacob *(gambar kiri)* menghadiri majlis jamuan teh bersama Yang Dipertuan Agong Malaysia, Sultan Muhammad V, di Istana Negara Kuala Lumpur sekitar 5 petang semalam.

Puan Halimah berada di Kuala Lumpur bagi lawatan kerja dua hari semalam dan hari ini.

Semasa di Kuala Lumpur, beliau dijadual bertemu dengan masyarakat Singapura di sana dalam satu majlis yang dianjurkan Suruhanjaya Tinggi Singapura.

Presiden Halimah juga dijadual menghadiri kejohanan golf antara Universiti Malaya (UM) dengan Universiti Nasional Singapura (NUS), dengan kedudukan beliau sebagai canselor NUS.

Beliau telah diundang canselor UM, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah, yang merupakan Sultan Perak.

Kejohanan tahunan itu telah diadakan sejak 1968, dengan setiap universiti bergilir menganjurkan kejohanan itu.

Presiden Halimah ditemani suaminya, Encik Mohamed Abdullah Alhabshee, dan pegawai daripada Kementerian Ehwal Luar (MFA), Pejabat Presiden dan NUS.

Source: Berita Harian © Singapore Press Holdings Ltd. Permission required for reproduction.